

Cegah jenayah

Sejumlah RM3.7 bilion diberikan kepada pasukan keselamatan bagi pertingkat kecekapan anggota termasuk sediakan kelengkapan moden dan canggih bukti kerajaan serius kurangkan jenayah"

Datuk Seri Hishammuddin Hussein
Menteri Dalam Negeri



Peruntukan RM1 bilion tepati Pelan Strategik 5 Tahun PDRM dengan agenda utama pelaksanaan pelbagai program

Belanjawan tumpu usaha perangi jenayah, rasuah

Khidmat polis, tentera dipertingkat pastikan kesejahteraan rakyat

KUALA LUMPUR: Bajet memberi penekanan terhadap isu keselamatan negara dan rakyat, selain usaha menangani gejala rasuah bagi memastikan negara berada pada kedudukan lebih baik dalam Indeks Persepsi Rasuah antarabangsa.

Ia memastikan rakyat hidup selamat dan selesa, sekali gus membolehkan mereka mengukuhkan ekonomi negara. Antara usaha dilaksanakan ialah:

- Memperuntukkan RM1 bilion untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan sasaran menurunkan indeks jenayah lima peratus tahun depan.

- Menempatkan balai polis bergerak di 50 lokasi panas di seluruh negara serta meningkatkan jumlah kehadiran anggota.

- Tingkat kempen pencegahan jenayah serta pembabitian polis dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan.



ANGGOTA keselamatan tingkat kawalan cegah penyeludupan dan pendatang haram di sempadan.

Pemastautin Tetap



Pemberian taraf Pemastautin Tetap (PR) kepada lelaki asing yang mengahwini warga Malaysia kurangkan jumlah wanita profesional berhijrah ke luar negara kerana mengikut suami dan mungkin dapat menarik mereka yang di luar negara untuk kembali menyumbangkan tenaga"

Prof Tan Sri Dr Sharifah Hapsah
Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO)

pelbagai program pencegahan ke arah mencapai misi menurunkan indeks jenayah, terutama ragut dan rompak bagi meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap institusi kepolisan"

Tan Sri Ismail Omar
Timbalan Ketua Polis Negara

"Kebajikan anggota, terutama dari segi elaun dan gaji galakan kepada mereka menjalankan tugas dengan lebih komited. Namun, paling penting, PDRM harus perkukuh keyakinan rakyat"

Tan Sri Lee Lam Thye

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

● Peruntukan RM1.9 bilion kepada angkatan tentera bagi pembelian peralatan dan menaik taraf pos kawalan untuk memperkukuhkan tahap keselamatan.
● Tingkat penguatkuasaan di perairan negara bagi membendung penyeludupan dan pencerobohan, termasuk ancaman lanun melalui pe-

FAKTA NOMBOR

50
balai

Polis bergerak akan dibina di kawasan panas seluruh negara

runtukan RM622 juta kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

● Perkenal Akta Pemberi Maklumat menggalakkan orang ramai mendedahkan kegiatan rasuah dan salah laku, bermula tahun depan.

● Menubuhkan 14 lagi Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah

Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah sebagai tambahan empat mahkamah khas.

● Tingkat usaha perbaiki imej Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia termasuk mengadakan persidangan antarabangsa, kempen kesedaran melalui media dan menjalin hubungan baik dengan masyarakat.



RM1.3 bilion naik taraf politeknik, kolej komuniti



KERAJAAN terus meningkatkan usaha melatih dan menggilap tenaga kerja untuk memenuhi keperluan pasaran termasuk menyediakan RM1.3 bilion

bagi membiayai pengurusan dan menaik taraf politeknik dan kolej komuniti serta menyediakan peruntukan kepada tabung pinjaman pelajar untuk 32,000 pelajar.

INFO

- RM504 juta disediakan bagi membina dan menaik taraf serta menyelenggarakan peralatan di Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi.
- RM438 juta kepada Institut Kemahiran Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara untuk pengurusan latihan termasuk menaik taraf institusi.
- RM110 juta kepada pusat latihan kemahiran negeri dan institusi latihan terpilih bagi menjalankan program latihan industri, terutama dalam bidang teknikal, hospitaliti, kulinari serta perabot.
- Mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 4 dan ke atas supaya setaraf dengan aliran akademik.

"Proses meluluskan permohonan taraf Pemastautin Tetap babitkan banyak agensi perlu dipermudah supaya tidak menimbulkan kecewa kepada pihak terbabit sehingga mereka kembali ke negara asal atau berhijrah ke negara lain, sekali gus turut bawa kepakaran mereka"

Faridah Khalid
Timbalan Presiden NCWO

PELATIH di pusat kemahiran tetap diberi keutamaan.